

22 JAN 1998

HVD ENTERTAINMENT JANGKA HASIL PENDAPATAN RM35 JUTA TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama)-- HVD Entertainment Bhd menjangka akan menghasilkan pendapatan sebanyak RM35 juta pada 1998 berbanding dengan RM28 juta pada tahun lalu, kata pengarah urusannya, Sebastian K.L. Foo.

Syarikat penerbitan TV itu menjangkakan studio barunya di Cheras akan menghasilkan pendapatan RM1 juta dalam operasi tahun pertama dan keduanya.

Jumlah itu akan meningkat tidak kurang daripada RM5 juta dalam tempoh tiga hingga lima tahun yang akan datang, kata Foo kepada pemberita selepas lawatan rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke kompleks studio milik syarikat yang bernilai RM40 juta di sini.

Kompleks itu kini dalam fasa pertamanya. Studio luarannya itu mengemukakan tiga tema lokasi utama -- medan nostalgia, sebuah kampung Melayu dan sebuah bandar moden.

Fasa kedua terdiri daripada bangunan tiga tingkat yang akan menempatkan jabatan sumber manusia serta ibu pejabat setinggi 20 tingkat.

Kemudahan penerbitan bersepadu penuh HVD itu akan membabitkan kos berjumlah RM140 juta, kata Foo.

HVD Entertainment, yang 30 peratus dimiliki oleh Kementerian Kewangan dan baki selebihnya oleh Kurnia Padu Sdn Bhd, berharap dapat disenaraikan sebelum tahun 2000.

Syarikat itu mahu menerbitkan lebih banyak program tahun ini dan sedang meninjau pasaran untuk eksport. Tahun lalu, ia menerbitkan 2,700 program.

Foo berkata rangkaian pengedaran antarabangsa HVD berjalan lancar dan eksport program HVD bernilai AS\$2 hingga AS\$3 juta tahun lalu.

Ketika ini, drama dan telefilem HVD diedarkan ke China, Indonesia, Hong Kong, Taiwan, Macau, Thailand, Laos, Kamboja, Vietnam, Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Syarikat itu tidak lama lagi akan mengembangkan pasarannya termasuk ke India, Pakistan, Korea, Afrika, Timur Tengah, Latin/Sepanyol dan negara bekas Kesatuan Soviet. -- BERNAMA

SHO ZK MA